

UPM kembali beri tumpuan majukan pertanian moden

KUALA LUMPUR 25 Sept. — Universiti Putra Malaysia (UPM) akan kembali memberikan tumpuan kepada sektor pertanian moden selari dengan kehendak terkini negara yang mahu memajukan lagi bidang berkenaan.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh, dengan peranan yang dikembalikan semula padanya itu, UPM, yang sebelum ini dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia, akan dijadikan pusat kecemerlangan pendidikan pertanian negara.

"Saya nak profesor-profesor pertanian ini terjun ke bendang-bendang, bergelumang selut di sawah dan ladang membuat penyelidikan. Hanya melalui cara ini mereka akan memahami derita seorang petani.

"Kalau profesor-profesor di Thailand boleh buat, kenapa kita tidak boleh buat," katanya.

Ke arah itu jelas Shafie, kuri-



**DR. SHAFIE
MOHD. SALLEH**

kulum program pertanian akan dimantapkan.

Selain itu, graduan pertanian juga akan diiktiraf sebagai berta-rraf profesional seperti juga

profesional lain seperti jurutera, doktor, peguam dan akauntan.

Beliau berkata demikian semasa menggulung isu pengajian tinggi pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO, hari ini.

UPM ditukarkan daripada namanya asalnya Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada 3 April 1997 untuk memberi fokus kepada bidang sains dan teknologi.

Tambah Shafie, untuk menjadi kurikulum pertanian di UPM lebih baik, keupayaan penyelidikan dan pengkomersialan produk pertanian akan ditingkatkan.

Dalam ucapan penggulungannya juga, beliau menegaskan bahawa Universiti Teknologi Mara (UiTM) tidak akan sekali-kali membuka pintunya kepada bukan bumiputera.

"Kita tidak ada kompromi dalam hal ini," tegasnya.

UiTM sebaliknya kata beliau, akan terus menambah bilangan

pengambilan pelajar bumiputera bagi memberi peluang lebih ramai kepada mereka untuk mendapat pendidikan tinggi.

"UiTM ibarat sebuah kereta api yang bergerak laju. Kereta api dan landasan yang baik telah tersedia. Kita ada kuasa untuk menambah gerabaknya.

"Insya-Allah kita akan buat," katanya.

Dalam ucapannya juga, Shafie turut menyentuh isu pengangguran, meritokrasi dan pekerja berkemahiran teknikal.

Dalam aspek pengangguran, antara strategi jangka pendek telah dirangka melibatkan antara lain meningkatkan kemahiran berbahasa kedua dan memasukkan elemen keusahawanan ke dalam kurikulum, katanya.

Strategi jangka panjang pula jelas beliau, melibatkan antara lain memperkenalkan kursus dua pengkhususan, melaksanakan program pembinaan sahsiah pe-

lajar dan memperkasakan khidmat sokongan kepada pelajar.

Berhubung meritokrasi pula, Shafie mendapat tepukan gemuruh perwakilan apabila beliau berjanji akan berusaha menambah bilangan pelajar Bumiputera ke universiti tempatan.

"Selagi saya jadi Menteri, saya akan pastikan kuota pelajar Melayu akan bertambah di bawah sistem meritokrasi," katanya.

Selain itu, bilangan pelajar Bumiputera ke kursus-kursus kritikal seperti perakaunan, kejuruteraan dan bidang-bidang baru seperti bioteknologi, nanoteknologi, kejuruteraan dan bioperubatan juga akan ditingkatkan.

Berhubung pekerja berkemahiran teknikal, Shafie berkata, selain mengembangkan kewujudan kolej-kolej komuniti di setiap daerah, pihaknya juga akan memastikan mereka yang mendapat kemahiran di situ akan melanjut-

kan pengajian di peringkat lebih tinggi iaitu ke politeknik dan seterusnya ke universiti.

Langkah ini katanya, akan menambah bilangan pelajar terutamanya pelajar lelaki ke institusi pengajian tinggi (IPT).

"Ini sekali gus akan menangkis tanggapan umum yang sering memperkatakan 'budak perempuan masuk universiti, budak lelaki masuk Pusat Serenti'," kata dia.

Selain itu, Shafie juga berjaya menarik perhatian perwakilan di Dewan Merdeka hari ini dengan jenaknya mengenai keputusan kerajaan untuk tidak menamatkan program Asasi Sains di Universiti Malaya (UM).

"Pusat Asasi Sains UM akan diteruskan kerana ia berjaya melahirkan tokoh-tokoh yang berjaya," katanya.